

IKLAN JAWATAN KOSONG PEREKA GRED B29

**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN, KOMITED DAN BERDEDIKASI
DIPELAWA UNTUK BERKHIDMAT DI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN
INSTRUMENTASI (CRIM), UKM BAGI JAWATAN DI BAWAH**

1. (a) Jawatan : Pereka
 (b) Gred Jawatan : B29
 (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Bakat dan Seni (B)
 (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
 (e) Taraf Jawatan : Kontrak [Dana Universiti Penyelidikan]
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
B29	1,499.00	5,679.00	145.00

Imbuan Tetap :
 Khidmat Awam : RM 160.00
 Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan :
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) **Kelayakan Lantikan Ke Gred B29**
 - (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00)
- ATAU**
- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00);

ATAU

- (iii) Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78).

DAN

Syarat Lantikan Tambahan: Lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

Syarat Bahasa Melayu : Calon yang memiliki kelayakan di perkara 3.1(c)(ii) atau 3.1(c)(iii), hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Deskripsi Tugas

Umum

Bertanggungjawab menyediakan reka bentuk dan *lay out* grafik, bahan-bahan pameran, fotografi, percetakan dan termasuk pengurusan bahan serta peralatan yang berkaitan.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

5. Cara Memohon:

Resume calon lengkap hendaklah dikemukakan melalui pos/emel kepada:-

Haji Zanudin Mohd Daud
Ketua Pentadbiran
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03-8921 5128
Emel: kppkcrim@ukm.edu.my

Tarikh tutup permohonan : 14 Julai 2018 (Jumaat)

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk Ujian Khas dan temu duga.

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI